

10 MAR 1996

Jelajah - Langkawi

PASUKAN GIANT AUSTRALIA CIPTA KEJAYAAN BESAR

LANGKAWI, 10 Mac (Bernama) -- Kejohanan lumba basikal Jelajah Langkawi '96 (Le Tour de Langkawi) yang berakhir di sini hari ini menjadi milik pasukan Giant-AIS Australia apabila mereka menyapu sebahagian besar daripada hadiah yang dipertandingkan.

Damian McDonald dari pasukan Giant-AIS Australia menggondol hadiah wang tunai berjumlah RM90,000 yang ditawarkan pada kejohanan berkenaan.

Penunggang berusia 23 tahun itu muncul sebagai juara keseluruhan untuk menjadi pemilik jersi kuning pada kejohanan sepuluh hari itu setelah berjaya mengumpulkan masa terendah -- 34:21:22, sembilan saat di hadapan pencabar terdekatnya Chris Newton dari Britain.

Di samping itu, beliau turut merangkul hadiah wang tunai RM46,000 kerana berjaya memenangi jersi berbintik merah dan kuning dalam kejohanan berkenaan.

Beliau memenangi lapan daripada sepuluh jersi yang dipertandingkan untuk sepuluh peringkat kejohanan serta lima jersi berbintik merah. Pemenang setiap peringkat kejohanan berkenaan menerima hadiah wang tunai RM2,000 manakala pemenang jersi berbintik merah menerima RM6,000.

Rakan sepasukan beliau, Jay Sweet muncul sebagai pemenang keseluruhan jersi hijau setelah mengumpulkan 115 mata daripada acara pecut yang dipertandingkan sepanjang kejohanan berkenaan. Beliau menerima hadiah wang tunai RM18,000.

Persembahan cemerlang mereka membantu pasukan Giant Australia untuk muncul juara keseluruhan kejohanan berkenaan yang merangkumi jarak sejauh 1395.30km yang melalui negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Pasukan Giant mengumpulkan masa keseluruhan 101:35:26s untuk membolehkan mereka menggondol hadiah wang tunai RM54,000.

Pemenang keseluruhan jersi berbintik merah ialah Chris Newton dari Britain yang menewaskan Damian dengan enam mata. Dalam perlumbaan hari ini, beliau memungut enam mata setelah memenangi acara pecut di Lubok Semilang.

Peringkat terakhir kejohanan berkenaan hari ini dimenangi oleh Marc Jacobson dari Denmark. Beliau mencatatkan 1:27:13s bagi perlumbaan mengelilingi pulau ini yang turut diikuti oleh Perdana Menteri Dr Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jacobson menerima hadiah wang tunai RM8,000 yang ditaja oleh syarikat Kumpulan Berjaya.

Berbeza dengan peringkat-peringkat sebelum ini, perlumbaan hari ini menyaksikan persaingan hebat di kalangan para peserta khususnya bagi mereka yang mempunyai harapan untuk muncul juara kejohanan berkenaan. Dua kemalangan berlaku masing-masing pada jarak 1km dan 3km.

Perlumbaan berkenaan dikuasai oleh pasukan Giant tetapi Jay Sweet mengalami kebocoran tayar pada 20km daripada garisan penamat.

Jacobson mula mendahului peserta-peserta lain selepas acara pecut terakhir dan mengekalkan kedudukan beliau sehingga ke garisan penamat.

Pengurus pasukan Giant Heiko Salzwede berkata setiap anggota pasukannya memberikan sumbangan seperti yang diharapkan dengan Damian dan Jay yang masing-masing pakar dalam acara pecut dan mendaki bukit telah memberikan kelebihan kepada pasukan berkenaan.

Kami berharap akan dapat mempertahankan kedudukan kami pada kejohanan Tour de Langkawi tahun depan, kata beliau.

Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Arof melepaskan para peserta pada perlumbaan hari ini dan kemudian menyampaikan hadiah kepada para

pemenang.

Jelajah - Langkawi (Keputusan)

Berikut ialah keputusan perlumbaan hari ini -- Peringkat 10

10 PEMENANG TERATAS PERINGKAT 10 (Mengelilingi Langkawi)

Marc Jacobson (Denmark) -- 1:27:13s; Ric Reid (New Zealand) --
1:27:13s; Eddie Pasquino (Dextro Energy Belanda) -- 1:27:13s; Rob Hayles
(Britain) -- 1:27:13s; Andrei Korolev (Ukrain) -- 1:27:13s; Brett Dennis
(Giant-AIS Australia) -- 1:27:13s; Josef Christian (Denmark) -- 1:27:13s;
Dani Svend Pedersen (Denmark) -- 1:27:13s; Rico Schmidt (PSV Cologne
Jerman) -- 1:27:13s

10 PEMENANG KESELURUHAN JERSI KUNING;

Damian McDonald (Giant-AIS Australia) -- 34:21:22s; Chris Newton
(Britain)
-- 34:21:31s; Brett Dennis (Giant-AIS Australia) -- 34:21:34s; Matthew
White (Australia) -- 34:22:15s; Douglas Ryder (Afrika Selatan) --
34:22:24s; Marcel Gono (Australia) -- 34:22:25s; Jan Vallach (Slovakia) --
34:22:33s; Brendon Hart (New Zealand) -- 34:22:38s; Kelvin Martin (Giant)
-- 34:22:43s; Mark Rendall (New Zealand) -- 34:22:45s

10 PEMENANG KESELURUHAN JERSI HIJAU

Jay Sweet (Giant-AIS Australia) -- 115 mata; Christian Anderson
(Denmark) -- 95 mata; Ric Reid (New Zealand) -- 74 mata; Glen Mitchell (New
(Britain) -- 46 mata; M. Kumaresan (Malaysia A) -- 28 mata; Brett Dennis
(Giant) -- 28 mata; Josef Christen (Switzerland) -- 28 mata; Morten Sonne
(Denmark) -- 27 mata;

10 PEMENANG KESELURUHAN JERSI BERBINTIK MERAH (RAJA BUKIT)

Chris Newton (Britain) -- 21 mata; Damian McDonald (Giant-AIS
Australia) -- 15 mata; Roland Green (Kanada) -- 14 mata; Matthew White
(Australia) -- 12 mata; Josef Holzmann (Jerman) -- 11 mata; Jan Valach
(Slovakia) -- 10 mata; Brett Dennis (Giant) -- 7 mata; Oleg Ruban (Ukraine)
-- 7 mata; Rob Hayles (Britain)
-- 4 mata; Kelvin Martin (Giant) -- 3 mata;

10 PEMENANG KESELURUHAN ACARA BERPASUKAN (SELEPAS PERINGKAT KELAPAN)

Giant-AIS Australia -- 101:35:30s; Australia -- 101:37:30s; Afrika
Selatan
-- 101:38:10s; New Zealand -- 101:38:50s; Kanada -- 101:43:19s; Republik
Slovak
-- 101:44:02s; Ukraine -- 101:46:42s; Jerman -- 101:48:30s; Switzerland --
101:48:39s; Dextro Energy Holland -- 101:51:19s

-- BERNAMA

AH MZ NAK